

# **Kursus Kepimpinan Pembantu Pelajar Minggu Suai Kenal FASA 2**

Oleh: En. Mohamad Hafiz Mohamad Shokri

Pada 24 hingga 26 Julai 2011 bertempat di Pusat Latihan MADA Sik, Kedah telah diadakan Kursus Lasak kepada Pembantu Pelajar Minggu Suai Kenal (PPMS) Fasa kedua telah berjaya dijalankan dengan lancar. Seramai 76 pelajar yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan juga ahli PPMS telah berjaya mengharungi cabaran selama 3 hari 2 malam di sana.

Tujuan utama kursus ini dijalankan ialah untuk membina semangat dan juga ketahanan mental para pelajar untuk menghadapi sesi Minggu Suai Kenal sidang akademik 2011/2012 yang dijangka akan mencecah seramai 2000 orang pelajar baru. Selain itu juga ia bertujuan untuk membentuk kembali biro-biro yang terdapat dalam PPMS supaya lebih mantap dan semangat kerjasama yang lebih jitu.

Hari pertama kursus merupakan perjalanan daripada Kuala Perlis dan terus menuju ke Pusat Latihan MADA Sik. Pada malamnya kesemua pelajar dibawa ke sekitar kawasan tasik untuk diadakan sesi membuat rakit hanya dengan menggunakan buluh.

Pada hari kedua kursus, upacara membina rakit daripada buluh diteruskan dan rakit ini siap sepenuhnya pada jam 12 tengah hari. Selepas itu, pelajar menyusuri Tasik di Empangan Mada sejauh 2 km dengan menaiki rakit yang telah dibuat oleh mereka sendiri. Majlis juga turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat En Jefri bin Osman selaku ADUN Guar Sanji bagi turut sama melihat perjalanan program tersebut. Sesi Berakit tamat pada jam 3 petang dan para pelajar kembali ke Pusat Latihan MADA untuk berehat.

Program seperti ini merupakan pengalaman yang pertama dan antara kursus yang terbaik pernah dijalani oleh para peserta kerana keseluruhan program amat memerlukan komitmen dan juga kerjasama yang penuh daripada setiap ahli kumpulan.

Pada hari terakhir program, para pelajar telah dipecahkan kepada kumpulan mengikut biro-biro yang terdapat dalam PPMS supaya memudahkan agihan kerja untuk Minggu Suai Kenal yang akan datang. Majlis berakhir pada jam 5 petang.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya membina semangat berpasukan yang tinggi lagi jitu di kalangan ahli PPMS yang terlibat.